

Alumni, universiti perlu bersama bantu kebolehpasaran graduan

• Unit kerja universiti perlu bekerjasama rapat dengan persatuan alumni melaksanakan program persediaan kerja dan membuat 'mock interview' supaya graduan tidak canggung di kerusi temu duga

• Alumni universiti sendiri perlu mengadakan kerjasama kerana kesukarelawan tinggi dituntut dalam pengurusan alumni untuk memastikan mahasiswa, bakal graduan, graduan dan institusi mendapat keuntungan



Timbalan Presiden Persatuan Alumni Universiti Utara Malaysia (UUM) serta Pengurus Besar ANGKASA

Oleh Abdul Rahim Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Alumni dan universiti berpisah tiada seperti kata pepatah Melayu, 'sakit sama mengaduh, luka sama menyik'. Sudah tentu alumni atau graduan ini kemuncak penghasilan dan penciptaan universiti sebagai institusi akademik dalam melahirkan keupayaan modal insan unggul untuk negara.

Kejayaan seseorang alumni dalam kebolehpasaran pekerjaan dilihat berapaya membentuk reputasi, identiti dan imej kepada keunggulan universiti dalam proses berprestasi. Namun, tanpa ikatan wajib atau tiada pulangan alumni kepada institusi secara langsung, seseorang jangan menjadi seperti kacang lupukan kulit atau ulat lupukan daun.

Disebabkan peruntukan kewangan untuk pembangunan universiti dibayai kerajaan, alumni tidak terdorong untuk memberikan sumbangan kepada universiti kembali seolah-olah ia peralihan satu hala.

Justeru, ramai membangkitkan peranan dan fungsi alumni universiti yang sepatutnya menjadi jambatan emas menerusi keluarganya besar graduan dan universiti masing-masing. Soalnya, setakat mana sumbangan alumni membantu universiti atau alma-maternya?

Sekiranya kita melihat universiti luar negara seperti Universiti Harvard, Universiti Yale, Universiti Princeton, Universiti Cambridge dan Universiti Oxford, sumbangan alumni berjumlah jutaan dolar atau pound sterling menonjolkan imej dan kegemilangan institusi pengajian tinggi berkenaan.

Sumbangan dana luar kepada universiti di Amerika Syarikat AS berjumlah AS\$37.45 bilion (RM168.83 bilion) pada 2014 dengan Universiti Harvard mengumpulkan dana melebihi AS\$1.6 bilion (RM7 bilion).

Alangkah baiknya jika dasar diwujudkan supaya setiap alumni universiti di negara ini yang sudah bekerja menyumbang dan menyalurkan sumbangan setiap bulan ke Tabung Wakaf atau endowment universiti walaupun RM1 agar jutaan wang ini dapat digunakan untuk pembangunan universiti dan kepentingan pelajar terutama golongan B40.

Malah, sumbangan alumni juga boleh membantu dalam menyelesaikan isu pengangguran di negara ini yang kini mencatatkan hampir dua juta pencari kerja menggunakan platform pekerjaan negara, MYFutureJobs dari 2020 hingga 10 Februari 2023 tetapi yang berjaya mendapat kerja hanya 776,742 orang.

Daripada jumlah itu, 251,815 membabitkan pemohon dalam kalangan belia atau graduan universiti. Untuk rekod, kerajaan pernah memperuntukkan RM150 juta bagi pemberian Elaun Mencari Pekerjaan bagi golongan kehilangan kerja, manakala Kementerian Sumber Manusia (KSM) pula melancarkan Insentif Kerjaya Madani 2023 sebagai langkah memperkukuh 10 inisiatif perlindungan keselamatan sosial dan pemerkasaan pasaran buruh tempatan.

Oleh itu, sudah tiba masanya alumni universiti

bergerak secara interaktif dalam usaha membantu graduan. Malah, setiap alumni perlu digerakkan secara tuntas dalam merebut penyediaan insentif melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) membabitkan peruntukan RM313 juta yang kesinambungan kepada inisiatif di bawah Belanjawan 2023 menumpukan usaha meningkatkan peluang serta penempatan pekerjaan kepada pelbagai kumpulan sasar terutama dalam kalangan graduan.

Seperti disebut dalam Jurnal Tingkah-laku Organisasi, *Alumni and Their Alma Mater: a Partial Test of the Reformulated Model of Organizational Identification*, universiti menerusi Hal Ehwal Pelajar (HEP) daripada unit kerja diharapkan dapat mengaplikasikan penggabungan dan perkongsian maklumat semasa sebagai penyediaan awal mahasiswa untuk melangkah dalam dunia sebenarnya.

Unit kerja universiti perlu bekerja rapat dengan persatuan alumni supaya pelaksanaan program persediaan kerja dan membuat 'mock interview' agar graduan tidak canggung di kerusi temu duga kelak.

Pada masa sama, usaha murni seperti Insentif Kerjaya Madani yang bakal menumpukan kepada tiga elemen, iaitu Program Daya Kerjaya, Daya Kerjaya Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) serta Program Bina Kerjaya ini sangat penting disebarluaskan dalam kampus universiti.

Ia tidak hanya membabitkan mahasiswa tahun akhir, bahkan pelajar tahun pertama perlu mendapat maklumat terkini, manakala usaha kerajaan memfokuskan pembangunan Pusat Satelit MYFutureJobs di Pusat Transformasi Bandar (UTC) seluruh negara perlu diadakan setiap tahun di setiap universiti awam (UA).

Ini bagi membolehkan padanan dan mengenal pasti bakat bakal graduan majikan serta pencari kerja mendapatkan kemudahan akses pekerjaan dengan lebih cepat dan mudah. Begitu juga Inisiatif Halal Development Corporation (HDC) menyediakan Halal Talent Portal adalah langkah terpuji agar graduan dalam bidang ini mudah dipadankan

dengan lebih 7,000 majikan pemegang sijil halal di Malaysia.

TAMPAK ISU PENGANGGURAN

Sebenarnya, alumni universiti sendiri perlu ke depan dalam konteks mengadakan kerjasama erat kerana kesukarelawan tinggi dituntut dalam pengurusan alumni untuk memastikan mahasiswa, bakal graduan, graduan dan institusi akademik mendapat keuntungan bersama.

Isu pengangguran dipercayai dapat diatasi sekiranya alumni turut terbahit dalam memastikan soal pekerjaan menepati pengajian universiti dan kehendak industri sentiasa dipenuhi serta secara tidak langsung, sekali gus berupaya menaikkan reputasi universiti sebagai penyedia modal insan unggul.

Pada masa sama, kita mengharapkan universiti juga mengambil pendekatan lebih terbuka dengan alumni kerana ia berupaya mempengaruhi mereka membantu alma-maternya. Malah, kecemerlangan dan kekuatan alumni universiti turut mampu menerapkan kepada bakal graduan sebagai faktor penarik kepada industri untuk turut sama menyumbang kepada universiti.

Contohnya kesediaan Alumni Universiti Utara Malaysia (UUM) membantu universiti menjenamakan asrama penginapan siswa (INASIS) kepada nama syarikat korporat seperti MAS, TNB, Tradewinds, Proton, Petronas dan Sime Darby dengan sedikit tajaan daripada syarikat berkenaan.

Ia bertepatan dengan satu jurnal akademik *'Do Student Evaluations Match Alumni Expectations on Managerial Finance'* mengenai kesediaan memberikan sumbangan sebagai balasan kepada faedah diperoleh itu menjadi satu elemen kepercayaan sosial umum yang amat sukar untuk diperoleh.

Wajarnya alumni dan universiti mempunyai iltizam berganding bahu untuk memperkasakan modal insan graduan seperti kata pepatah, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, bulat air oleh pembetung, bulat manusia oleh muafakat.

